



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR REBT TERHADAP
HARGA DIRI, MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PONTENG KELAS DALAM
KALANGAN PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN***

TAN HUA KHIM

FPP 2014 76



**KESAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR REBT TERHADAP
HARGA DIRI, MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PONTENG KELAS DALAM
KALANGAN PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN**

Oleh

TAN HUA KHIM

**Tesis dikemukakan kepada sekolah pengajian siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk komersial daripada pemegang hak. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Ditujukan khas untuk:

Pensyarah

Profesor Madya Dr Rusnani Abdul Kadir

Profesor Madya Dr Sidek Mohd Noah & Dr Maznah Baba

Isteri tersayang Ang Siew Eng


Anak-anak:

Tan Kuan Liang,

Tan Aiwei, dan

Tan Aifei

Yang kasihi



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

KESAN KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR REBT TERHADAP HARGA DIRI, MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PONTENG KELAS DALAM KALANGAN PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN

Oleh

TAN HUA KHIM

Ogos 2014

Pengerusi : Profesor Madya Rusnani bt Abdul Kadir, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Ponteng kelas merupakan masalah disiplin. Ianya perlu ditangani secara serius dan professional kerana masalah ini boleh berkembang kepada pelbagai masalah disiplin sekolah yang lain. Ponteng kelas boleh menyebabkan penurunan prestasi akademik diri pelajar, harga diri dan motivasi pencapaian, malah tercicir dari sekolah. Menangani masalah ini secara intervensi psikologi adalah tanggungjawab guru kaunseling. Dengan itu guru kaunseling harus mempunyai ilmu dan strategi khusus. Salah satu strategi yang boleh digunakan adalah kaunseling kelompok berstruktur yang berasaskan modul. Maka satu modul kaunseling telah dibina berpandukan model pembikinan modul Sidek dan teori REBT yang telah diuji kesahan kandungan oleh enam orang pakar serta kebolehpercayaannya terhadap 30 pelajar bermasalah disiplin ponteng kelas.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat kesan modul kaunseling kelompok berstruktur Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) ke atas harga diri, motivasi pencapaian dan tingkah laku ponteng kelas pelajar bermasalah disiplin. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar dari empat sekolah menengah harian biasa di sekitar Daerah Bera, Pahang. Mereka dibahagikan kepada kumpulan kawalan (n=30) dan kumpulan rawatan (n=30) secara persampelan rawak kelompok. Reka bentuk kajian ini adalah kajian eksperimental benar jenis ujian pra dan ujian pasca ke atas satu kumpulan eksperimental dan satu kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menerima 10 sesi kaunseling kelompok berstruktur REBT yang dikendalikan oleh penyelidik sendiri selama lebih kurang tiga bulan manakala kumpulan kawalan tidak menerima apa-apa rawatan. Tiga alat ukuran digunakan iaitu Soal Selidik *The*

Coopersmith Self Esteem Inventory bagi mengukur harga diri yang dicipta oleh Coopersmith pada tahun 1967, Soal Selidik Motivasi Pencapaian Abu Bakar untuk mengukur motivasi pencapaian, di mana ia dicipta sendiri oleh Abu Bakar Nordin pada tahun 1995, dan Rekod Anekdot untuk melihat tingkah laku ponteng kelas. Kesemua ahli kumpulan rawatan dan kawalan menjawab Soal Selidik *The Coopersmith Self Esteem Inventory* dan Soal Selidik Motivasi Pencapaian Abu Bakar sebanyak dua kali, iaitu sebelum rawatan diberi dan selepas rawatan berakhir.

Data dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan pendekatan inferens (Ujian t) dengan aras keyakinan ditetapkan pada .05. Dapatan kajian menunjukkan bagi kumpulan rawatan, secara keseluruhan terdapat peningkatan dalam skor harga diri dan motivasi pencapaian pada akhir rawatan, sementara Rekod Anekdot memperlihatkan tingkah laku ponteng kelas berkurangan. Manakala kumpulan kawalan menunjukkan dapatan yang tidak signifikan kecuali harga diri, walaubagaimanapun nilainya adalah lebih kecil daripada kumpulan rawatan.

Dapatlah dirumuskan Kaunseling Kelompok Berstruktur Rasional Emotif Tingkah Laku yang dijalankan telah berjaya memberi kesan positif kepada peningkatan harga diri dan motivasi pencapaian, serta mengurangkan tingkah laku ponteng kelas. Implikasinya terhadap guru kaunseling dalam memudahkan kaunseling kelompok di sekolah dan membantu perubahan tingkah laku pelajar yang bermasalah. Hasil kajian juga mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling dengan berpandukan modul menjadi satu amalan di peringkat sekolah seluruh Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

EFFECTS OF STRUCTURED GROUP COUNSELLING OF RATIONAL EMOTIVE BEHAVIOUR TOWARDS SELF-ESTEEM, MOTIVATION FOR ACHIEVEMENT, AND TRUANCY AMONG DISCIPLINARY PROBLEMATIC STUDENT CLASSES

By

TAN HUA KHIM

August 2014

Chairperson : Associate Professor Rusnani bt Abdul Kadir, PhD

Faculty : Educational Studies

Truancy is a disciplinary problem. This problem has to be seen seriously and professionally as it can be effected to other school disciplinary problems. Truancy causes students' low academic achievement, self-esteem, and motivation for achievement, as well drop out from school. In order to solve this problem through psychological intervention, indeed it is the school counsellor's responsibility. For that reason, school counsellors need to have specific knowledge and strategy to overcome this problem at school. One of the strategies that can be applied is structured group counselling based on modules. Therefore, a counselling module was developed based on the Sidek Module Model Development and theory of Rational Emotive Behaviour (REBT) which the module was validated by its contents by six experts and module's reliability on the thirty disciplinary problematic students.

This study was aimed to determine the effects of structured group counseling of Rational Emotive Behaviour (REBT) towards self-esteem, motivation for achievement, and truancy on disciplinary problematic students. Study sample was among the sixty students from four secondary public schools in Bera District, Pahang. Samples were divided into control group (n=30) and treatment group (n=30) by applying random assignment. The research design was true experiment, pre- and post-tests on experimental and control groups. The treatment group received ten REBT structured group counselling session which was administered by the researcher himself for about three months, however, the control group did not receive any treatment. Three measurements were

employed: The Coopersmith Self Esteem Inventory to measure self-esteem developed by Coopersmith (1967); Achievement Motivation Abu Bakar Questionnaire to measure the students' motivation for achievement developed by Abu Bakar Nordin (1995); and Anecdote Record to record truancy. All members in both groups of treatment and control were answered The Coopersmith Self Esteem Inventory and Motivation for Achievement Abu Bakar Questionnaire twice; before and after treatments.

Data was analysed with descriptive and inferential approaches (*t*-test) with the confidence interval of .05. Results showed that treatment group, generally showed the increment in self-esteem and motivation for achievement at the end of treatment, while the Anecdote Records showed that number of truancy was reduced. On the other hand, the control group showed not significant except self-esteem, however, the value was smaller than treatment group.

To conclude, Rational Emotive Behaviour Structured Group Counselling was a success because the developed modules effected the students positively in boosting up their self-esteem and motivation for achievement, and truancy was reduced. Implications to school counsellors in assisting group counselling at school and helping the problematic students to change their behaviour at school. These results also recommend the Malaysia Education Ministry to carry out counselling services based on modules as a practice in every stage of school in Malaysia.

PENGHARGAAN

Bersyukur di atas izinNya dapat saya menyiapkan penulisan tesis ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas penajaan biasiswa HLP yang membolehkan saya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi Doktor Falsafah. Luahan penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai juga kepada barisan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, terutamanya pengerusi jawatankuasa, Profesor Madya Dr Rusnani Abdul Kadir diatas segala bimbingan, tunjuk ajar, komen-komen yang membina, perbincangan dan bantuan yang diberikan tanpa mengira batas waktu amat saya hargai dan ingati. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalasnya. Sifat kesabaran dan keperihatinan yang ditunjukkan dalam menyiapkan tesis ini amat saya hargai. Saya dan keluarga akan mengingati dan menjadikannya sebagai panduan pada masa akan datang. Pendek kata, saya banyak terhutang budi kepada mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada pakar rujuk modul iaitu Profesor Dr Abdul Malik Abdul Rahman, Profesor Madya Dr Ahmad Jazimin Jusoh, Profesor Madya Dr Jamaludin Ahmad, Dr Mohammad Nasir Bistamam, Dr Halimatun Halaliah Mokhtar, Dr Jamayah Salli, Pn Asmail Ismail dan En Mohd Yusoff Ahmad atas bantuan, nasihat dan komen yang diberi semasa proses pembinaan modul dalam kajian ini.

Terima kasih diucapkan juga kepada semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, tidak ketinggalan juga kepada Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Pejabat Pelajaran Daerah Bera, pengetua-pengetua sekolah, guru disiplin, guru kaunseling dan responden-responden yang sudi memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Walaupun nama mereka tidak dipamerkan tetapi mereka tetap dalam ingatan. Saya percaya tanpa penglibatan daripada mereka, kajian ini tentu sekali tidap dapat disiapkan dengan sempurnanya.

Melalui kesempatan ini juga, saya ingin melahirkan rasa terhutang budi serta ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang tercinta. Kesabaran kalian amat dihargai. Akhir sekali, kepada semua pensyarah terima kasih sekali lagi atas segala tunjuk ajar yang diberikan dan halalkan segala ilmu yang dicurahkan kepada saya, terima kasih banyak-banyak.

**Tell me and I forget
Teach me and I remember
Involve me and I learn
(Benjamin Franklin)**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Ogos 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Tan Hua Khim bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Rebt terhadap Harga Diri, Motivasi Pencapaian dan Ponteng Kelas dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Azimi bin Hj Hamzah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rohany Nasir, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Disember 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Doktor Falsafah**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rusnani Abdul Kadir, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Maznah Baba, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sidek Mohd Noah, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap perkataan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Tan Hua Khim, GS26030.

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: **Rusnani Abdul Kadir, PhD**

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: **Maznah Baba, PhD**

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: **Sidek Mohd Noah, PhD**

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Reka Bentuk Kajian Eksperimental Ujian Pra Dan Ujian Pasca Dengan Kumpulan Kawalan Rawak	31
3.2	Faktor Melemahkan Kesahan Dalam Reka Bentuk Eksperimental	33
3.3	Bilangan Sampel Yang Mempunyai Kes Ulangan Ponteng Kelas Mengikut Sekolah	41
3.4	Bilangan Sampel Yang Memperolehi Skor <i>Cooper-Smith Self Esteem Inventory</i> dan Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar Yang Sederhana Mengikut Sekolah	41
3.5	Bilangan Pasangan Sampel Mengikut Sekolah	42
3.6	Pecahan dan Bilangan Subjek Kajian	43
3.7	Bahan Bantu Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i>	49
3.8	Isi Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i>	53
3.9	Item Yang Mengukur Tahap Motivasi Mengikut Faktor Dalam Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar	55
3.10	Simbol Bagi Pilihan Jawapan Ujian Motivasi Pencapaian	55
3.11	Item Positif dan Item Negatif <i>CSEI</i>	57
3.12	Sistem Pemarkatan Item <i>CSEI</i>	57
3.13	Ringkasan Aktiviti Sesi Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i>	63

3.14	Kaedah Penentuan Pemilihan Statistik Bagi Penganalisis Data	68
4.1	Profil Sampel Kajian	72
4.2	Agihan Ahli Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	73
4.3	Min Ujian Pra dan Pasca Pemboleh Ubah kumpulan Kawalan dan kumpulan Rawatan	74
4.4	Penilaian Pakar Rujuk Terhadap Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i>	75
4.5	Nilai Purata Pekali Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i> Mengikut Item Soal Selidik	77
4.6	Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i> Mengikut Pakar	78
4.7	Penilaian Pakar Modul Terhadap Ketepatan Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul <i>KKBREBT</i>	79
4.8	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur <i>REBT</i>	80
4.9	Nilai Kebolehpercayaan Hasil Ujian Rintis Soal Selidik <i>Coopersmith Self Esteem Inventory</i>	80
4.10	Nilai Kebolehpercayaan Hasil Ujian Rintis Soal Selidik Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar	81
4.11	Perbezaan Skor Min Harga Diri Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	82
4.12	Perbezaan Skor Min Motivasi Pencapaian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	82
4.13	Ujian Normaliti Harga Diri dan Motivasi Pencapaian	83

4.14	Perbezaan Skor Min Harga Diri Ujian Pra dan Ujian Pasca Untuk Kumpulan Rawatan	92
4.15	Perbezaan Skor Min Harga Diri Ujian Pra dan Ujian Pasca Untuk Kumpulan Kawalan	92
4.16	Perbezaan Skor Min Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Bagi Pemboleh Ubah Harga Diri	94
4.17	Perbezaan Skor Min Motivasi Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Untuk Kumpulan Eksperimental	95
4.18	Perbezaan Skor Min Motivasi Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Untuk Kumpulan Kawalan	95
4.19	Perbezaan Skor Min Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan kumpulan Rawatan Bagi Pemboleh Ubah Motivasi Pencapaian	96
4.20	Perbezaan Kes Ponteng Kelas Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Selepas Proses Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT	97

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Interaksi Komponen Dalam Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku	16
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	22
2.3	Kerangka Konsep Kajian	30
3.1	Peta Kedudukan Tempat Kajian	39
3.2	Prosedur Pemilihan Sampel Kajian Eksperimental Secara Kombinasi Persampelan Rawak Kelompok, Teknik Padanan dan Pengagihan Rawak	44
3.3	Pembinaan Modul Peringkat Pertama	46
3.4	Pembinaan Modul Peringkat Kedua	50
3.5	Aliran Proses Kajian Rintis Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT	51
3.6	Aliran Proses Kajian Rintis Kebolehpercayaan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT	52
3.7	Rekod Anekdote	59
3.8	Tatacara Kajian Eksperimental	64
3.9	Proses Pelaksanaan Kajian Eksperimental ujian Pra dan Ujian Pasca Dengan Kumpulan Kawalan	65
4.1	Histogram Harga Diri	84
4.2	Histogram Motivasi Pencapaian	85
4.3	Normal Q-Q Plot Harga Diri	86
4.4	Normal Q-Q Plot Motivasi Pencapaian	87
4.5	Detrended Normal Q-Q Plot Harga Diri	88
4.6	Detrended Normal Q-Q Plot Motivasi Pencapaian	89

4.7	Boxplot Harga Diri	90
4.8	Boxplot Motivasi Pencapaian	91
4.9	Perbandingan Peratusan Peningkatan Harga Diri Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	93
4.10	Perbandingan Peratusan Kejayaan Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan bagi Ponteng Kelas	97



ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Hipotesis Kajian	7
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Istilah	9
1.9 Kesimpulan	11
2 SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT)	13
2.1.1 Model ABCDE Pendekatan REBT	16
2.1.2 Tahap dan Proses Asas REBT	18
2.1.3 Kerangka Teoritikal	21
2.1.4 Rumusan Teori REBT	22
2.2 Kajian-Kajian Lepas	22
2.2.1 Perkhidmatan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Pelajar Sekolah	22
2.2.2 Perkhidmatan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Harga Diri	25
2.2.3 Perkhidmatan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Motivasi Pencapaian	27
2.2.6 Kerangka Konsep Kajian	30

2.3 Kesimpulan	30
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	31
3.1 Reka Bentuk Kajian	31
3.2 Kesahan Eksperimental	33
3.2.1 Kesahan Luaran dan Kawalan Pemboleh Ubah Luaran Eksperimental	33
3.2.2 Kesahan Dalaman dan Kawalan Pemboleh Ubah Luaran Eksperimental	35
3.3 Tempat Kajian	39
3.4 Populasi Kajian	40
3.5 Sampel Kajian	40
3.5.1 Prosedur Persampelan dan Pembentukan Kumpulan Kajian	40
3.6 Pemboleh Ubah Kajian	44
3.7 Alat Ukuran Kajian	44
3.7.1 Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT(MKKBREBT)	45
3.7.1.1 Proses Pembinaan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT	45
3.7.1.2 Isi Kandungan Modul	53
3.7.1.3 Prosedur Rawatan	54
3.7.2 Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar(UMP)	54
3.7.2.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar	56
3.7.3 <i>The Coopersmith Self Esteem Inventory(CSEI)</i>	57
3.7.3.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan CSEI	58
3.7.4 Rekod Anekdot	58
3.8 Kajian Rintis Instrumen Kajian	59
3.9 Kebolehpercayaan Alat Ukur	60
3.10 Tatacara Kajian	60
3.11 Eksperimental	64
3.12 Pengumpulan Data	65
3.12.1 Pengumpulan Data Peringkat Pertama	65
3.12.2 Pengumpulan Data Peringkat Kedua	66
3.13 Penganalisis Data	66
3.13.1 Kesahan MKKBREBT	66
3.13.2 Kebolehpercayaan MKKBREBT	66

3.13.3 Analisis Statistik Deskriptif	67
3.13.4 Data Harga Diri dan Motivasi Pencapaian	67
3.13.5 Analisis Pemboleh Ubah Ponteng Kelas	68
3.14 Pengujian Hipotesis Kajian	69
3.15 Kesimpulan	69
4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	71
4.1 Profil Sampel Kajian	71
4.2 Dapatan Analisis Statistik Deskriptif Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	72
4.3 Data Analisis Statistik Deskriptif Bagi Pengujian Ujian Pra dan Ujian Pasca Pemboleh Ubah Bersandar Kumpulan Rawatan dan Kawalan	73
4.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan MKKBREBT Dan Alat Ukur	74
4.4.1 Kesahan Kandungan MKKBREBT	74
4.4.2 Kebolehpercayaan MKKBREBT	78
4.4.3 Kebolehpercayaan Alat Ukur CSEI	80
4.4.4 Kebolehpercayaan Alat Ukur UMP	80
4.5 Dapatan Analisis Ujian Pra Pemboleh Ubah Bersandar Kajian	81
4.5.1 Ujian Pra CSEI Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	81
4.5.2 Ujian Pra UMP Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	82
4.6 Dapatan Ujian Normaliti Taburan Data	82
4.7 Dapatan Analisis Hasil Eksperimental	91
4.7.1 Keberkesanan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Keatas Harga Diri	91
4.7.2 Keberkesanan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Keatas Motivasi Pencapaian	94
4.7.3 Keberkesanan REBT Keatas Tingkah Laku Ponteng Kelas	96
4.8 Kesimpulan	98

5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	
5.0	Pengenalan	99
5.1	Perbincangan Kajian	99
5.1.1	Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Keatas Harga Diri	99
5.1.2	Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Keatas Motivasi Pencapaian	103
5.1.3	Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Keatas Ponteng Kelas	106
5.2	Implikasi Kajian	108
5.2.1	Implikasi Teoritikal	108
5.2.1	Implikasi Praktikal	110
5.3	Cadangan Kajian	111
5.4	Kesimpulan	116
	BIBLIOGRAFI	117
	LAMPIRAN	125
Lampiran 1	:Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	
Lampiran 2	:Surat Permohonan dan Kebenaran Penggunaan Instrumen	
Lampiran 3	:Perlantikan dan Pengesahan Pakar Kesahan Modul KKBREBT	
Lampiran 4	:Perlantikan dan Pengesahan Pakar Penilai Ketepatan Instrumen Kebolehpercayaan Modul KKBREBT	
Lampiran 5	:Soal Selidik <i>The Coopersmith Self Esteem Inventory</i>	
Lampiran 6	:Soal Selidik Ujian Motivasi Pencapaian Abu Bakar	
Lampiran 7	:Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul KKBREBT	
Lampiran 8	:Rumusan Rekod Kad Anekdot Hasil Pemerhatian Ponteng Kelas	
Lampiran 9	:Komen Bertulis Ahli Kelompok Ujian Ristis Modul KKBREBT	
Lampiran 10	:Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT	
	BIODATA PELAJAR	232
	SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN	234

BAB I

PENGENALAN KAJIAN

Pengenalan

Bahagian bab satu ini akan menerangkan gambaran tentang kajian yang hendak dijalankan pada peringkat awal dan perkara-perkara asas seperti pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah, dan kesimpulan.

Latar Belakang Kajian

Mengikut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo (2005) bilangan pelajar berisiko adalah besar dan sekiranya pendidikan untuk mereka tidak disediakan dengan sempurna, pembaziran akan terjadi dan pembentukan sumber manusia untuk masa depan negara akan terjejas. Mereka juga menjelaskan bahawa punca pelajar ponteng kelas, tidak belajar bersungguh-sungguh, sentiasa gagal dalam ujian sekolah adalah disebabkan sikap guru dan sekolah, dimana pihak sekolah mengambil mudah tentang keperluan-keperluan pelajar jenis yang berisiko ini.

Sekolah adalah tempat yang dapat memberikan suatu persekitaran yang sihat untuk pelajar dari segi personaliti, penonjolan diri, belajar memahami dan menyesuaikan diri dalam masyarakat. Namun begitu, segala pengalaman dan suasana yang baik ini tidak dapat dihayati sekiranya mereka sentiasa melanggar masalah disiplin ponteng kelas. Abdullah Sani Yahaya (2006) berpendapat bahawa masalah disiplin ponteng kelas ini adalah masalah lapuk yang belum diselesaikan dan kini ia nampak lebih berani kerana bukan hanya berlaku di sekolah menengah tetapi murid-murid sekolah rendah dan masalah ini tidak boleh dipandang ringan.

Ang (2007) juga menjelaskan di sekolah menengah, masalah ponteng kelas tidak boleh dipandang ringan oleh pihak sekolah, mereka yang suka ponteng kelas akan hilang sifat bertanggungjawab, suka berbohong, berdolak-dalik dan menentang yang akhirnya menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran, terlibat dalam kegiatan negatif dan tercisir dari sekolah.

Masalah ponteng kelas perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah. Pelajar yang bermasalah disiplin ini memerlukan masalah mereka diselesaikan secara halus melalui kaedah psikologi, mereka tidak suka kepada sistem hukuman dan rotan digunakan

(Mohd Amin H.A Shariff, 2003). Menurut Ang (2007) kumpulan pelajar ponteng kelas ini akan tersisih daripada aliran pendidikan kerana mereka gagal mencapai matlamat dalam bentuk program pendidikan di negara kita. Mereka juga boleh menyebabkan terjadinya masalah-masalah disiplin yang lain (Abdullah Sani Yahaya, 2006).

Kajian juga menunjukkan pelajar yang bermasalah disiplin adalah mereka yang mempunyai persepsi yang rendah terhadap harga diri (Mohd Nasir Bistaman & Ahmad Jazimin Yusoh, 2010). Amatlah penting bagi guru memahami harga diri pelajar mereka kerana ini memainkan peranan penting dalam membantu perubahan dalaman tentang diri sendiri. Guru kaunseling sekolah harus tahu cara berkomunikasi dan membina harga diri pada pelajar untuk memandu pemikiran pelajar kearah yang betul kerana pemikiran yang betul mempunyai kaitan dengan rasa nilai diri dan seterusnya membentuk harga diri yang positif. Di sini kaunselor dilihat dapat membantu individu yang mempunyai masalah terhadap harga diri melalui aktiviti kelompok (Carlock, 1999).

Tahap harga diri pelajar sekolah adalah penting kerana mereka yang harga diri rendah kelihatan mempunyai kaitan yang signifikan dengan masalah-masalah seperti kegagalan sekolah, motivasi rendah, mengalami tekanan, kebimbangan, tahap pergantungan yang tinggi dan sebagainya (Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya, 2005). Menurut Azizi Yahaya dan Halimah Ma'alip (2010) tahap harga diri memainkan peranan yang penting sebagai perantaraan dalam membantu seseorang itu untuk menyesuaikan diri dengan kehendak persekitaran serta menyumbangkan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Harga diri yang rendah mungkin mengganggu tingkah laku seseorang itu dan menghalang ia daripada mencapai matlamat hidupnya.

Individu yang mempunyai harga diri yang rendah perlu dirawat kerana mereka sukar untuk mencapai sesuatu kejayaan. Ini disokong oleh Azizi Yahaya dan Halimah Ma'alip (2010) yang menyatakan bahawa individu yang harga dirinya rendah adalah mereka yang sentiasa mengalami kegagalan kerana tidak mempunyai motivasi untuk maju dan berjaya, tidak berani untuk mencuba kerana takut kepada kegagalan, mudah putus asa apabila mengalami kegagalan, akan mengatakan bahawa diri tidak akan berjaya pada masa hadapan, merasakan diri bodoh dalam semua perkara dan mempunyai tanggapan yang negatif berkenaan segala hal tentang diri mereka. Pemikiran ini perlu dibaiki dan diubah kerana kehidupan tanpa memiliki harga diri yang tinggi akan mendatangkan banyak masalah. Semua individu memerlukan harga diri yang tinggi untuk merasakan dirinya baik dan seterusnya menghasilkan potensi diri yang maksimum untuk mengharumi cabaran kehidupan ini dengan lebih berkesan (Carlock, 1999).

Selain daripada masalah ponteng kelas dan harga diri rendah yang dapat mengganggu prestasi pendidikan, motivasi juga mempunyai peranan yang sangat penting, pelajar yang bermotivasi adalah pelajar yang berminat untuk

belajar, mendengar dan memberikan perhatian dalam kelas serta sedia menerima arahan guru, mereka mempunyai dorongan untuk mencapai kejayaan akademik dan juga kejayaan dalam kehidupan secara keseluruhannya (Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar, 1996). Sekolah dapat menjalankan peranannya dengan cemerlang sekiranya guru dan pelajar itu sentiasa bermotivasi.

Individu yang dimotivasikan akan memiliki harga diri yang tinggi (Azizi Yahaya dan rakan-rakan, 2005) dengan memiliki harga diri yang tinggi, seseorang pelajar itu mampu berfikir, bermotivasi, membuat keputusan yang baik untuk dirinya, dan tidak melanggar masalah disiplin sekolah. Isu-isu seperti kegagalan sekolah, mengalami tekanan, kebimbangan sosial dan pergantungan sosial yang serius mempunyai kaitan dengan harga diri yang rendah (Azizi Yahaya dan rakan-rakan, 2005).

Kekuatan dalaman ini juga mampu menyedarkan golongan ini bahawa diri mereka sebenarnya terlalu berharga dan mereka mampu merealisasikan impian dan cita-cita mereka dengan kebolehan-kebolehan dan peluang-peluang yang dimiliki. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo (2005) pula berpendapat bahawa pelajar-pelajar berisiko terutamanya berkaitan dengan pelajaran perlu dikenal pasti harga diri dan keupayaan yang tersendiri di kalangan mereka ini. Harga diri yang rendah akan mencipta pelbagai masalah (Grieger & Boyd, 1980).

Masalah harga diri, motivasi pencapaian dan ponteng kelas adalah masalah yang penting yang perlu diselesaikan dan dikaji (Kundu & Rani, 2007). Pelajar-pelajar ini perlu dibantu dengan segera, kelambatan menolong akan menyebabkan keadaan bertambah teruk dan seterusnya mengalami kegagalan di sekolah yang boleh menjejaskan masa depan mereka yang juga merupakan aset penting negara.

Sehubungan dengan itu, adalah dilihat bahawa penggunaan modul adalah sesuai untuk menyelesaikan masalah ini kerana menurut Jamaludin Ahmad (2007) bahawa modul sebenarnya boleh membantu pihak-pihak tertentu untuk mencapai sesuatu matlamat. Modul juga sering digunakan oleh pelbagai pihak secara meluas oleh ahli akademik dengan tujuan untuk mencapai matlamat tertentu yang telah dikenal pasti (Jamaludin Ahmad, 2012).

Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) menyatakan bahawa modul adalah bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara teratur supaya sesuatu matlamat yang diinginkan itu tercapai. Adalah diakui bahawa penggunaan modul ini mempunyai banyak maafaat dan kebaikannya (Jamaludin Ahmad, 2012). Kesimpulannya aktiviti-aktiviti melalui modul juga dapat meningkatkan motivasi, harga diri, menarik minat pelajar untuk belajar dan seterusnya mengurangkan masalah disiplin ponteng kelas.

Jamaludin Ahmad (2008) telah menghuraikan jenis-jenis modul kepada empat jenis iaitu modul pengajaran, modul motivasi, modul latihan dan modul akademik. Selain itu, Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohammad Nasir Bistaman dan Mohammad Aziz Shah Mohamad Arip (2011) telah membuat penambahan terhadap jenis-jenis modul iaitu modul kaunseling. Modul kaunseling ini adalah berbentuk tatacara atau panduan membantu seseorang kaunselor untuk menjalankan sesi kaunseling bagi menyelesaikan masalah pelajar sekolah.

Panduan yang terdapat dalam modul ini boleh membantu guru kaunseling dalam memperbaiki sikap serta kelakuan klien yang tidak berkesan atau yang tidak mendatangkan faedah. Selain itu ia juga dapat digunakan untuk pencegahan dan pemulihan. Pencegahan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh klien sebelum masalah tersebut menjadi serius, manakala pemulihan pula adalah bagi klien yang sedang mengalami masalah yang serius. Terdapat pelbagai jenis modul kaunseling dan setiap modul itu adalah berlandaskan teori-teori kaunseling.

Dalam kajian ini, modul kaunseling yang digunakan adalah berlandaskan teori REBT. Konsep utama teori ini ialah segala gangguan emosi dan tingkah laku manusia berlaku adalah disebabkan oleh sistem kepercayaan tidak rasional dan untuk menolong mereka menyelesaikan masalah, kaunselor perlu mengubah sistem kepercayaan yang tidak rasional itu kepada sistem nilai yang rasional dengan berpandukan model ABCDE. Dalam konteks ini, ia merupakan suatu sistem pendidikan semula yang mengajar individu untuk menggantikan sistem nilai dan kepercayaan yang menyebabkan kesengsaraan dengan satu nilai kepercayaan yang positif. Ia perlu dicabar dan dibetulkan (Corey, 2009).

Sesuai dengan pelajar kita kerana kajian Chin (2007) menunjukkan bahawa pelajar kita mempunyai sistem kepercayaan yang salah, pelajar sekolah menengah sering menghadapi pelbagai masalah, mereka mempunyai persepsi bahawa mereka tiada harapan untuk berjaya dalam pelajaran, tidak berani untuk bertanya guru, dan malu untuk berinteraksi dengan guru.

Masalah pelajar ini dapat dikurangkan jika mendapat bantuan melalui khidmat kaunseling kelompok berstruktur yang sistematik berasaskan modul. Ia boleh melatih pelajar-pelajar berdisiplin, bertanggungjawab, rasa dihormati, bercita-cita tinggi, sifat jaya diri dan mempunyai personaliti yang sihat, ini penting disemaikan kepada pelajar-pelajar sama ada peringkat sekolah rendah mahupun menengah (Mohd Saleh Lebar, 1999). Hayes (2001) juga menjelaskan kaunseling kelompok berkesan dilaksanakan di sekolah, melalui intervensi ini klien mempunyai peluang untuk memperkembangkan kemahiran bersosial mereka dikalangan ahli kelompok yang sebaya dan ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sapora Sipon (2003) pula menjelaskan bahawa harga diri dapat diperkuatkan melalui kaunseling kelompok kerana mereka tetap diterima walaupun bermasalah oleh kelompok.

Mereka yang mempunyai masalah harga diri (Schwart, 2011) dan motivasi pencapaian (Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah, 2008) mempunyai masalah dalam sistem kepercayaan dan pemikiran diri yang tidak rasional. Ini selaras dengan Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) yang mengatakan sistem kepercayaan yang tidak rasional akan menyebabkan seseorang individu itu mengambil tindakan yang salah dan sistem kepercayaan yang membuatnya begitu adalah diperolehi melalui proses pembelajarannya (Myrick, 2001). Remaja sekolah mempunyai hak untuk dididik dengan cemerlang dan sempurna, tiada individu yang tidak boleh diubah kesilapannya.

Amla Salleh, Zuria Mahmud dan Salleh Amat (2009) menyatakan dengan melalui kelompok kaunseling dan setelah memahami diri masing-masing barulah peserta dapat meningkatkan perasaan penerimaan diri dan perasaan harga diri. Ini adalah hasil daripada kebolehan setiap ahli untuk menyatakan perasaan dengan jujur dan tepat. Ini akan menolong peserta membina rasa dipunyai dan diterima oleh orang lain. Maka di sini dilihat kaunselor sekolah boleh memainkan peranan yang berkesan untuk membantu pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin ini. Pertolongan ini lebih mudah dilaksanakan jika terdapat modul yang boleh digunakan sebagai panduan mereka.

Penyataan Masalah

Di sekolah, ponteng kelas merupakan salah satu masalah disiplin yang tidak boleh dielakkan dan perbuatan ini boleh berjangkit kepada pelajar-pelajar lain jika tidak ada tindakan yang efektif diambil oleh pihak sekolah untuk menyelesaikannya (Ang, 2007). Rekod Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan seramai 21,060 pelajar sekolah terlibat dalam salah laku ini. Keadaan ini serius kerana pelajar yang biasanya ponteng kelas akan menyebabkan penurunan prestasi akademik dan juga menjatuhkan harga diri pelajar (Abdullah Sani Yahaya, 2006). Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1997) menjelaskan bahawa harga diri pelajar adalah penting dan berkaitan dengan keyakinan diri. Harga diri, emosi, dan motivasi adalah elemen penting dalam meningkatkan akademik dan harus dikaji kerana ianya berkaitan (Kundu & Rani, 2007).

Guru kaunseling dilihat mampu membantu sekolah dengan memberi perhatian kepada perkara ini, namun kajian mendapati guru-guru kaunseling yang terdapat di sekolah tidak dapat membantu pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah ini (Zuria Mahmud & Ahmad Jazimin Jusoh, 2008). Mereka ini memerlukan satu modul yang berkesan untuk membantu dalam menyelesaikan masalah ini di sekolah dan modul yang baik dilihat boleh membantu untuk mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki (Jamaludin Ahmad, 2007). Bukan itu sahaja, tahap penguasaan teori di kalangan pengamal kaunseling yang bukan pendidik kaunselor adalah terhad (Zakaria Mohamad, Noriah Mohd Ishak & Zuria Mahmud, 2009). Forum Pendidikan (2004, dalam Zuria Mahmud & Ahmad Jazimin Jusoh, 2008) menunjukkan bahawa bukan semua guru

kaunseling yang berada di sekolah hari ini mampu menjalankan peranan mereka sebagai guru kaunseling dengan baik. Fenomena ini pasti akan membawa kepada masalah disiplin yang lain jika tidak dibendung dan dikawal serta akan mengganggu pelaksanaan rancangan program pendidikan negara.

Kajian ini perlu dijalankan untuk mencari kaedah pemulihan yang berkesan. Menurut Mohamad Hatta Shaharom (2003) rawatan pemulihan tingkah laku adalah antara rawatan yang diperlukan untuk remaja yang fikiran dan perasaannya terganggu dan tingkah laku yang tidak betul.

Memandangkan situasi ini, maka kajian ini cuba mencari modul yang sesuai yang boleh mendatangkan perubahan positif dalam kalangan pelajar bermasalah harga diri, motivasi pencapaian dan tingkah laku ponteng kelas secara mengujinya dengan menggunakan pendekatan kaunseling kelompok berstruktur REBT berasaskan modul. Melalui kajian ini, ia dapat mengenalpasti sejauhmanakah kaunseling ini berjaya menyelesaikan masalah harga diri, motivasi pencapaian dan tingkah laku ponteng kelas pelajar bermasalah disiplin dan seterusnya meningkatkan persepsi mutu perkhidmatan kaunseling di sekolah.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan modul kaunseling kelompok berstruktur REBT yang telah dilaksanakan dalam kajian di kalangan pelajar yang bermasalah disiplin yang berada di tingkatan empat. Secara khususnya tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan kesan modul kaunseling kelompok berstruktur REBT ke atas harga diri dalam kalangan sampel kajian.
2. Menentukan kesan modul kaunseling kelompok berstruktur REBT ke atas motivasi pencapaian dalam kalangan sampel kajian.
3. Menentukan kesan modul kaunseling kelompok berstruktur REBT ke atas ponteng kelas dalam kalangan sampel kajian.

Persoalan Kajian

Berpandukan kepada pernyataan masalah dan tujuan kajian yang telah dibincangkan, persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Adakah modul kaunseling kelompok berstruktur REBT berkesan meningkatkan harga diri dalam kalangan kumpulan rawatan ?
2. Adakah modul kaunseling kelompok berstruktur REBT berkesan meningkatkan motivasi pencapaian dalam kalangan kumpulan rawatan ?

3. Adakah modul kaunseling kelompok berstruktur REBT berkesan menurunkan ponteng kelas dalam kalangan kumpulan rawatan ?

Hipotesis Kajian

Kajian eksperimental ini umumnya adalah untuk melihat kesan modul kaunseling kelompok berstruktur berasaskan teori REBT terhadap harga diri, motivasi pencapaian dan ponteng kelas. Sehubungan itu, enam hipotesis nol telah dibentuk:

Hipotesis 1a

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor harga diri sebelum dan selepas kajian dijalankan bagi kumpulan rawatan.

Hipotesis 1b

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor harga diri sebelum dan selepas kajian dijalankan bagi kumpulan kawalan.

Hipotesis 1c

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor pasca harga diri antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.

Hipotesis 2a

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor motivasi pencapaian sebelum dan selepas kajian dijalankan bagi kumpulan rawatan.

Hipotesis 2b

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor motivasi pencapaian sebelum dan selepas kajian dijalankan bagi kumpulan kawalan.

Hipotesis 2c

Tidak terdapat perbezaan signifikan skor pasca motivasi pencapaian antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.

Manakala hipotesis untuk objektif akhir iaitu keberkesanan modul kaunseling kelompok berstruktur REBT ke atas ponteng kelas dalam kalangan sampel kajian tidak dibentuk kerana tingkah laku ponteng kelas ini dinilai melalui kaedah pemerhatian dan semakan kepada dokumen anekdot. Penilaian terhadap tingkah laku dalam kajian perlu diperhatikan dalam keadaan yang sebenar (Abu

Bakar Nordin, 1995). Sampel diperhatikan dan merekod tingkah laku ponteng kelas dalam kad anekdot. Ini adalah perlu kerana matlamat akhir sesuatu proses kaunseling yang dijalankan adalah untuk melihat kepada tingkah laku sampel samada mereka masih ponteng kelas atau sebaliknya. Menurut Abu Bakar Nordin (1995) untuk melihat sesuatu perubahan tingkah laku yang dikaji, hanya dengan cara pemerhatian yang dibuat secara anekdot dapat menunjukkan keadaan yang sebenar dan mempunyai kesahan yang tinggi.

Kepentingan Kajian

Keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur REBT dalam kajian ini adalah penting kerana ia berjaya membantu pelajar yang bermasalah disiplin dan seterusnya menyelamatkan mereka ini daripada terlibat dengan kesalahan-kesalahan lain yang lebih serius lagi seperti kemerosotan pelajaran, penyalahgunaan dadah, jenayah, seks bebas dan lain-lain lagi. Pengetahuan ini hendaklah dikuasai oleh guru kaunseling sekolah supaya rawatan yang mereka lakukan adalah berkualiti.

Kepentingan kepada guru kaunseling sekolah ialah terhasilnya sebuah modul baru yang boleh digunakan sebagai panduan dan ini akan memudahkan mereka untuk mengendalikan satu sesi kaunseling kelompok berstruktur dalam usaha untuk membantu pelajar yang bermasalah disiplin. Panduan dari modul ini penting supaya tidak terjadinya proses-proses lain dalam kaunseling nanti. Ini selaras dengan pendapat Myrick (2001) yang juga bersetuju bahawa kaunseling kelompok di sekolah perlu dikendalikan secara berstruktur untuk suasana dan proses fasilitatif.

Kepentingan lain yang dapat dilihat ialah menambahnya bahan-bahan kajian yang dilakukan ke atas situasi sekolah yang melibatkan para pelajar. Dapatan kajian ini akan menjadi maklumat yang berguna dan rujukan untuk membantu memantapkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah khususnya kaunseling kelompok berstruktur.

Bagi pengkaji sendiri, dapatan kajian ini boleh dijadikan sumber maklumat yang bernilai dan terkini bagi rujukan masa depan. Ia dapat menjadi bukti yang objektif mengenai keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan menjadi titik tolak dan landasan bagi mengendalikan program-program seterusnya.

Kepada para pengkaji yang akan datang, hasil kajian ini dapat dijadikan panduan yang berguna dalam menentukan arah kajian pada masa depan dan juga mampu dijadikan sorotan literatur bagi kajian mereka.

Batasan Kajian

Kajian yang melibatkan kaedah eksperimental mempunyai batasannya yang tersendiri. Kajian ini sebenarnya dilaksanakan hanya dalam masa yang singkat, sedangkan untuk melihat perkembangan individu terutamanya pada peringkat remaja melibatkan masa yang panjang (Mohammad Nasir Bistaman, 2006). Oleh yang demikian, kesan kaunseling kelompok ini tidak dapat dilihat secara menyeluruh disebabkan oleh faktor limitasi masa ini.

Masalah harga diri, motivasi pencapaian, dan ponteng kelas ini boleh melibatkan pelbagai peringkat perkembangan pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan lima, namun begitu kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan empat sahaja. Selain itu, sampel kajian yang akan mengikut rawatan kaunseling kelompok berstruktur REBT hanyalah melibatkan 30 orang sahaja. Maka dapatan ini mungkin tidak dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang pemboleh ubah ini.

Kajian ini hanya berkaitan dengan tiga pemboleh ubah bersandar iaitu harga diri, motivasi pencapaian, dan ponteng kelas. Pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah rawatan kaunseling kelompok berstruktur REBT. Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain seperti latar belakang keluarga, sikap dan sebagainya tidak dapat dikawal dengan sepenuhnya dalam kajian ini supaya dapatannya boleh digeneralisasikan kepada populasi kajian.

Kajian ini juga hanya meliputi empat buah sekolah menengah harian sahaja kerana penyelidik hanya mempunyai masa yang singkat dan peruntukan kewangan yang terhad untuk menyiapkan projek ini. Oleh itu, responden yang dipilih secara rawak untuk kajian ini adalah hanya terdiri daripada pelajar-pelajar bermasalah harga diri, motivasi pencapaian dan ponteng kelas di empat buah sekolah menengah terpilih secara rawak, daerah Bera, Pahang. Hasil kajian ini tidak mewakili keseluruhan populasi pelajar Pahang dan akan menimbulkan sedikit kontroversi untuk mengeneralisasikan dapatan kajian ini kepada semua pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Definisi Istilah

Berikut adalah istilah yang digunakan untuk memudahkan pembaca memahami kajian ini.

1. Kaunseling Kelompok Berstruktur
 - a. Definisi Konsep

Menurut Myrick (2001) kaunseling kelompok berstruktur adalah kaunseling kelompok yang sesinya adalah terdiri daripada aktiviti yang berstruktur.

Kaunselor yang memainkan peranan yang aktif dalam menstruktur segala aktiviti yang terdapat dalam sesi tersebut.

b. Definisi Operasional

Kaunseling kelompok berstruktur berdasarkan kajian ini ialah satu proses dalam membantu pelajar-pelajar bermasalah harga diri, motivasi pencapaian dan ponteng kelas dengan cara mewujudkan kelompok supaya mereka dapat berkongsi masalah, pengalaman serta pandangan mereka tentang pemboleh ubah kajian. Kaunseling kelompok berstruktur yang dijalankan merupakan kaunseling yang diberi kepada kumpulan rawatan berpandukan kepada modul kaunseling kelompok. Kaunseling kelompok berstruktur ini diuruskan oleh penyelidik sendiri dengan menggunakan model kaunseling REBT yang diberi nama Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT untuk tujuan kaunseling kelompok. Tiap-tiap kelompok mempunyai ahli seramai empat hingga enam orang, menjalani sesi kaunseling sebanyak 10 sesi, tiap-tiap sesi mengambil masa antara 45 hingga 60 minit.

4. Harga Diri

a. Definisi Konsep

Azizi Yahaya dan rakan-rakan (2005) menerangkan bahawa harga diri merujuk kepada perasaan dan penilaian seseorang kepada dirinya sendiri. Ia adalah bayangan persepsi individu tentang diri sendiri dimana persepsi itu terbentuk hasil daripada penilaian tentang ciri-ciri individu bersama dengan penilaian daripada orang lain.

b. Definisi Operasional

Dalam kajian ini, harga diri merujuk kepada ahli kelompok melihat dan meletakkan nilai diri mereka. Harga diri juga diwakili oleh skor yang diperolehi sampel yang diukur menggunakan *The Coopersmith Self Esteem Inventory*. Skor yang tinggi menunjukkan harga diri yang dimiliki adalah tinggi dan begitulah sebaliknya.

5. Motivasi Pencapaian

a. Definisi konsep

McClelland (1985) mengatakan motivasi pencapaian merupakan satu set proses memberi tenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menjuruskan tingkah laku kepada satu-satu matlamat. Seseorang yang bermotivasi membuat pilihan positif untuk melaksanakan sesuatu itu sebab dia mengetahui tindakan itu bermakna dan boleh memuaskan keperluannya.

b. Definisi Operasional

Manakala motivasi pencapaian di dalam kajian ini pula merujuk kepada kemahuan di dalam diri ahli kaunseling kelompok untuk mencapai apa yang mereka inginkan dalam kehidupan mereka. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu semangat yang wujud dalam diri klien yang akan mempengaruhi tindakan luaran yang mereka pilih. Motivasi pencapaian juga diwakili oleh skor yang diperolehi sampel yang diukur menggunakan Ujian Motivasi Pencapaian. Skor yang tinggi menunjukkan tahap motivasi pencapaian yang dimiliki adalah tinggi dan begitulah sebaliknya.

6. Tingkah Laku Ponteng Kelas

a. Definisi Konsep

Tingkah laku ponteng kelas adalah tindakan seseorang pelajar yang tidak mengikut sesuatu pelajaran pada waktu yang sepatutnya pelajar itu wajib mengikutinya di dalam bilik darjah, pelajar keluar dari bilik darjah dan merayau-rayau di sekitar sekolah ataupun menyembunyikan diri di sesuatu tempat (Abdullah Sani Yahaya, 2006).

b. Definisi Operasional

Tingkah laku ponteng kelas merujuk kepada pelajar keluar kelas tanpa kebenaran dan merujuk kepada item-item seperti suka merayau-rayau di luar kelas berbanding berada di dalam kelas, gemar ke tandas tanpa kebenaran, gemar keluar dan masuk kelas tanpa sebab yang munasabah, keluar kelas pergi cari kawan, tidak mengambil berat tentang jadual kelas dan keluar kelas apabila guru yang tidak disukai masuk ke dalam kelas. Tingkah laku ini diukur secara kaedah analisis dokumen iaitu rekod anekdot.

Kesimpulan

Di bahagian bab satu ini, penyelidik telah membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Dengan penerangan ini diharap ia dapat memberi gambaran tentang kajian yang akan dijalankan kelak.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Malek Abdul Rahman (2004). *Kesan kaunseling kelompok tingkah laku Kognitif dalam merawat tingkah laku langsung buli di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abosi, G. (2004). The effectiveness of rational emotive therapy on achievement motivation of students. *The Nigerian Journal of Guidance and Counselling*, 9(1), 219-239.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (1997). *Daya pengaruh dan perubahan sikap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distriboturs Sdn Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya (2006). *Mengurus disiplin pelajar*. Batu Caves: PTS Professional.
- Abu Bakar Nordin (1986). *Asas penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Aghaei, A. & Jalali, D. (2012). Effect of group career counseling based Kromboltz's Learning Model on achievement motivation, academical motivation, worry for academical occupational futurity and academical achievement among first year hight school students. *Studies in Learning & Instruction*, 3(2), Ser. 61/2.
- Ang , J.E. (2007). *Pengurusan disiplin murid*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohammad Nasir Bistamam & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (2011). *Modul kaunseling kelompok CTRT: Pendekatan menangani permasalahan disiplin pelajar*. Tanjung Malim : Penerbit UPSI.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat (2009). *Bimbingan dan kaunseling sekolah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ary, D., Jacobs, L., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to research in education*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Ary, D., Jacobs, L., & Razaviech, A. (2002). *Introduction to research in education*. (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.

- Asmah Ismail (2012). *Bimbingan & kaunseling maklumat dan panduan*. Kajang: FAR Publishers.
- Azizi Yahaya & Halimah Ma'alip (2010). *Estim sendiri remaja*. Skudai: Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan sendiri*. Skudai: Penerbit UTM.
- Carlock, C.J.(1999). *Enhancing self esteem*. USA : Accelerated Development.
- Chin, M.K. (2007). *Pola masalah,kecerdasan emosi pelajar dan hubungan dengan pencapaian akademik di sekolah menengah*. Tesis MSc yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. USA : Pearson.
- Campbell, D.T.,& Stanley, J.C. (1966). *Experimental and quasi experimental designs for research*. USA: Houghton Mifflin Company.
- Chua,Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Corey, G. (2009). *Theory and practice of counseling and psychotherapy eighth edition*. California: Brooks/Cole.
- Corey, G. (2001). *Theory and practice of counseling and psychotherapy*. California: Brooks/Cole.
- Dalen, D.P.V. (1999). *Memahami penyelidikan pendidikan* (Diterjemahkan oleh Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting). Serdang: Penerbit UPM.
- Desi Dwi Hariyanti. (2013). Penerapan kaunseling kelompok rational emotive behavior untuk meningkatkan motivasi belajar siswa kelas viii G SMP Yayasan Pendidikan 17 Surabaya. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling UNESA*, 1, 358-363.
- Enea, V.& Dafinoiu, I. (2009). Motivational / solution- focused intervention for recucing school truancy among adolescents. *Journal of Cognitive and Behavioral Psychotherapies*, 9(2),185-198.

- Ellis, A. (1979). *How to live with a neurotic*. Hollywood: Wilshire Book Company.
- Ellis, A. & Wilde, J. (2002). *Case studies in rational emotive behavior therapy with children and adolescents*. Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Ellis, A. & Grieger, R. (1986). *Handbook of rasional emotive therapy vol 2*. New York: Springer.
- Ellis, A. (1979). *Reason and emotion in psychotherapy*. Canada: The Citadel Press.
- Ellis, A. & Bernard, M.E. (2006). *Rational emotive behavioral approaches to childhood disorders: Theory, practice and research*. USA: Springer.
- Fraenkel, J.R., Wallen, N.E. & Hyun, H.H. (2012). *How to design and evaluate research in education*. 8rd. New York: Mc Graw Inc.
- Gladding, S.T. (2012). *Counseling a comprehensive profession*. USA: Pearson.
- Ghasemian, D., Souza, L., & Ebrahimi, S. (2012). Effectiveness of rational emotive therapy on shyness: Influence of gender. *Journal of The Indian Academy Of Applied Psychology*, 28(1), 169-173.
- Grieger, R., & Boyd, J. (1980). *Rational-emotive therapy. A skills based approach*. USA: Van Nostrand Reinhold Company.
- Hayes, G. (2001). Group counseling in schools: effective or not?. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 21(3), 12-21.
- Houston, J.P. (1985). *Motivation*. New York: Macmillan.
- Jacobs, E.E., Masson, R.L. & Harvill, R.L. (2009). *Group counseling: strategies and skills*. USA: Thomson Brooks/Cole.
- Jamaludin Ahmad (2012). *Modul motivasi diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Nooh, Rusnani Abd Kadir, & Samsuddin Ahmad (2005). *Keberkesanan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor*. Kertas kerja yang dibentang di UPM.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang: Penerbit UPM.

- Jamaludin Ahmad (2007). *Modul & kaunseling penyalahgunaan dadah*. Serdang: Penerbit UPM.
- Jamaludin Ahmad dan Sidek Mohd Noah (2001). Pendekatan alternatif menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul program maju diri. Jabatan Pelajaran Selangor. *Jurnal PERKAMA*, 9, 97-118.
- Jamaludin Ahmad (2002). *Kesahan, kebolehpercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. UPM.
- Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Noah & Mariah Kamaruddin (2010). Semakan kegunaan modul pembimbing rakan sebaya Kementerian Pelajaran Malaysia. *Jurnal PERKAMA*, 16, 91-104.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegas dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Kundu, S.C.& Rani, S. (2007). Human resources self esteem across gender and categories: A study. *Industrial Management & Data System*, 107(9), 1366-1390.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2008). *Psikologi*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Mastura Mahfar (2011). *Kesan Modul Pendidikan Rasional Ematif terhadap kepercayaan tidak rasional dan tekanan dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh di Johor, Malaysia*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. UPM.
- McClelland, D.C. (1985). *Human motivation*. Glenview, Illinois: Scotti and Company.
- Mitchell, M.L. , & Jolley, J.M. (2010). *Research design explained*. USA: Wadsworth.
- Mira Eryatama. (2012). Upaya peningkatan motivasi belajar siswa melalui bimbingan kelompok pada siswa kelas viii SMP negeri 1 Pugung Tanggamus. *Jurnal Bimbingan Kaunseling ALIBKIN*, 1(1), 50-59.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Shuaib Ramli, Mohd Fadzil Jamaluddin, Abdul Rahim Abu & Wan Mohd Khair Wan Chik (2003). *Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah*. Shah Alam: Cerdik Publications.

- Mokhtar Ismail (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Amin H.A. Shariff (2003). *Perkembangan remaja: pandangan, pemahaman dan interpretasi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saleh Lebar (1999). *Memahami psikologi*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad & Hamdan Abdul Kadir (2006). *Teori dan praktis kaunseling kelompok kontemperori*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohammad Nasir Bistaman (2006). *Kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Nasir Bistaman & Rohany Nasir (2009). An application of Rational Emotive Behavior Therapy in group counseling: a case study on adolescents whose parents were divorced. *European Journal of Sosial Sciences*, 10(2), 334-342.
- Mohammad Nasir Bistaman & Ahmad Jazimin Jusoh (2010). Perbezaan aspek psikologi remaja berisiko dengan remaja kurang berisiko dan strategi tindakan. *Jurnal PERKAMA*, 16, 105-116.
- Mohamed Hatta Shaharom (2003). *Psikologi dan kaunseling remaja*. Bentong: Percetakan Zafar Sdn Bhd.
- Myrick, R.D. (2001). *Bimbingan & kaunseling perkembangan: pendekatan yang praktis* (Diterjemahkan oleh Zuraidah Abdul Rahman). Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomora Lumongga Lubis & Mohamad Hashim Othman (2010). Kesan intervensi kelompok CBT dan kelompok sokongan sosial terhadap estimasi diri dalam kalangan pesakit kanser payu dara. *Jurnal PERKAMA*, 16, 157-172.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill.

- Nurfadhi Yahya & Mohammad Sharit Mustaffa (2012). Application of rational emotive behavior therapy in addressing the problem of bullying in the school: A case study. *Journal of Educational Psychology & counseling*, 6, 123-128.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Othman Mohamed (2000). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Serdang: Penerbit UPM.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual*. North Sydney: Australasia Pty Ltd.
- Plummer, D. (2005). *Helping adolescents and adults to build self esteem*. Landon: Jessica Kingsley Publishers.
- Robbins, S.P. (2000). *Gelagat organisasi* (Diterjemah oleh Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman). Pertaling Jaya: Prentice Hall.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, & Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). *Motivasi dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Santhanakrishnan, R. (2013). Article review on rational emotive behavior therapy and narrative therapy. *South American Journal of Health & Behavioural Science*, 1, Issue-1.
- Salmiah Monshie, Rusnani Abdul Kadir & Asmah Ismail (2005). Pengaruh kelompok bimbingan terhadap konsep sendiri dan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal PERKAMA*, 11, 61-73.
- Sapora Sipon (2003). *Pengenalan kaunseling kelompok*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin (2010). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Nilai Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Sapora Sipon (2007). *Keberkesanan kaunseling kelompok pemusatan insan, rasional emotif, tingkah laku dan psikologi ad-din ke atas tahap tekanan, kepuasan kerja, strategi berdaya tidak dan sokongan sosial guru*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Schwartz, D.J. (2011). *The magic of thinking big*. Selangor: PTS Professional.
- Sidek Mohd Noah (1997). *Modul penilaian dalam kaunseling*. Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL). Serdang. UPM.

- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan esei, proposal, tesis*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Sujai Suanphiroth (2009). *The effect of person centered and rational emotive therapy group counseling: A comparative study in changing self concept and achievement motivation of low achievement secondary school students in Pattani, Thailand*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Tiwi Kamidin (2004). Pendekatan sistem mentor dalam pengurusan tingkah laku bermasalah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 5, 55-64.
- Turney, B.L & Robb, G.P. (1971). *Research in education an introduction* . USA : The Dryden Press Inc.
- Vaida, S., Kallay, E., & Opre, A. (2008). Counseling in school. A rational emotive behavior therapy based intervention: A pilot study. *Cognition Brain & Behavior*, 7(1), 57-69.
- Wells, D., Miller, M., Tobacyk, J., & Clanton, R. (2002). Using a psychoeducational approach to increase the self esteem of adolescents at high risk for dropping out. *ADOLESCENCE*, 37(146), 431-434.
- Wiersma, W. (1991). *Research methods in education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Zakiah Muhammad @ Ghazali & Mohammad Sharif Mustaffar (2012). Rational emotive behavior therapy: To reduce emotional disturbance. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 119-122.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo, S.F. (2005). *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zainal Badli Budiman (2008). *Pembinaan modul pengurusan konflik kognitif dan keberkesanannya terhadap perkembangan kognitif dan pencapaian sains*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakaria Mohamad, Noriah Mohd Ishak & Zuria Mahmud (2009). Pola pengetahuan teori di kalangan pengamal kaunseling di Malaysia . *Jurnal PERKAMA*,15, 86-105.

Zuria Mahmud & Ahmad Jazimin Jusoh (2008). Kualiti perkhidmatan kaunseling di sekolah menengah. *Jurnal PERKAMA*,14,129-144.

Zuraidah Abdul Rahman (1996). *Pengenalan kaunseling kelompok*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.

